

بریتا BERITA PKINK

فربانیت کما جوانا قضا نگزی یکلنت

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 5/2008 . Sept-Okt 2008


www.pkink.gov.my

edaran percuma


SOLAT ZOHOR BERSAMA YAB TUAN GURU

18 September 2008, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abd Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang juga Pengurus PKINK telah sudi mengunjungi PKINK dan mengerjakan solat Zohor bersama-sama anggota PKINK.


Sebelum solat Zohor, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abd Aziz Nik Mat sempat memberi tazkirah untuk renungan semua anggota. Dalam tazkirah ringkasnya, YAB Tuan Guru menyentuh beberapa perkara mengenai tujuan kejadian manusia di atas muka bumi ini. Utusan Tuhan, yakni Rasul diturunkan dari semasa kemasa, sehingga kepada rasul akhir zaman, Nabi Muhammad S.A.W. tak lain tak bukan bagi memberi petunjuk dan peringatan kepada semua manusia.



Antara anggota PKINK yang hadir



YAB Tuan Guru Dato' Nik Abd. Aziz
Menteri Besar Kelantan



Anggota PKINK, pihak Pengurusan
turut hadir.

SIDANG EDITOR

PENAUNG

Haji Wan Yahya Wan Salleh

PENASIHAT

Haji Wan Adnan Wan Ab.Kadir

KETUA EDITOR

En. Ahmad Nazri bin Ismail

EDITOR

En.Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

Tengku Petra Tengku Wook

PENGARANG

Pn.Sofia Aizan Che Soh

Pn.Zakiah Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

JURUFOTO

Tengku Petra Tengku Wook



PERCETAKAN
ATH MARKETING SDN.BHD.
219712 K
D13, Jalan Bayam,
15200 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7440955 Fax:09-7472415
email: athmarketing@yahoo.com



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
Tingkat 8 - 11,Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani,
Peti Surat 142,
15710 Kota Bharu,
Kelantan Darulnaim.
tel:09-7414141 fax:09-7414140/7414069
www.pkink.gov.my

KELEBIHAN RAMADHAN

Bulan Ramadhan merupakan bulan yang mempunyai banyak kelebihan. Kedatangannya selepas dua bulan yang juga tidak kurang keistimewaanannya iaitu Rejab dan Sya'ban. Bagi tujuan menyuburkan rasa tanggungjawab dan rasa ingin menambahkan ibadat kepada Allah sepanjang Ramadhan ini, di sini dibawa beberapa hadis yang menceritakan mengenai kelebihannya.

1. Abu Hurairah menyatakan : Telah bersabda S.A.W yang artinya : Apabila telah tiba Ramadhan, dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu neraka dan diikat semua syaitan. — Hadis dikeluarkan oleh Imam Bukhari, Muslim, Nasai'e, Ahmad dan Baihaqi-
2. Daripada Abu Hurairah daripada Rasulullah S.A.W telah bersabda yang artinya: Siapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keiman dan keikhlasan nescaya akan diampuninya segala dosa yang telah lalu. — Diriwayatkan oleh Imam Nasai'e, Ibn Majah, Ibn Habban dan Baihaqi-
3. Abu Hurairah telah berkata : Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda tentang Ramadhan yang artinya: Siapa yang mendirikannya (Ramadhan) penuh keiman dan keikhlasan diampunkan baginya dosanya yang telah lalu. — Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Tarmizi, Abu Daud, Nasai'e, Malik, Ahmad dan Baihaqi-
4. Daripada Abu Hurairah telah berkata : Rasulullah S.A.W telah bersabda yang artinya : Sembahyang yang difardhukan kepada sembahyang yang sebelumnya merupakan penebus apa antara keduanya, dan Jumaat kepada Jumaat yang sebelumnya merupakan penebus apa antara keduanya, dan bulan kepada bulan (iaitu Ramadhan) merupakan kaffarah apa antara keduanya melainkan tiga golongan : Syirik kepada Allah, meninggalkan sunnah dan perjanjian (dilanggar). Telah berkata Abu Hurairah : Maka aku tahu perkara itu akan berlaku, maka aku bertanya : Wahai Rasulullah! Adapun syirik dengan Allah telah kami tahu, maka apakah perjanjian dan meninggalkan sunnah? Baginda S.A.W bersabda : Adapun perjanjian maka engkau membuat perjanjian dengan seorang lain dengan sumpah kemudian engkau melanggarinya maka engkau membunuhi dengan pedang engkau, manakala meninggalkan sunnah maka keluar daripada jamaah (Islam). - Hadis riwayat Ahmad, Al-hakim dan Baihaqi-
5. Daripada Abi Soleh Az-Zayyat bahawa dia telah mendengar Abu Hurairah berkata : Rasulullah S.A.W telah bersabda yang artinya : Setiap amalan anak Adam baginya melainkan puasa maka ia untukku dan Aku akan membalaunya. Dan puasa adalah perisa, maka apabila seseorang berada pada hari puasa maka dia dilarang menghampiri (bercumbu) pada hari itu dan tidak meninggikan suara. Sekiranya dia dihina atau diserang maka dia berkata : Sesungguhnya aku berpuasa demi Tuhan yang mana diri Nabi Muhammad ditanganNya maka perubahan bau mulut orang berpuasa lebih harum di sisi Allah pada hari Kiamat daripada bau kasturi, dan bagi orang berpuasa dua kegembiraan yang mana dia bergembira dengan keduanya apabila berbuka dia gembira dengan waktu berbukanya dan apabila bertemu TuhanNya dia gembira dengan puasanya. — Hadis riwayat Imam Bukhari, Muslim, Nasai'e, Ahmad, Ibn Khuzaimah, Ibn Habban dan Baihaqi-

Dari meja editor

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI BESAR

10 September 2008, satu majlis berbuka puasa antara anggota Pengurusan PKINK bersama YB Dato' Hj. Ahmad b.Yakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan dan Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan telah diadakan di Dewan Duyung ,Perdana Resort ,Pantai Cahaya Bulan.

Pada majlis tersebut, setiap ahli Pengurusan PKINK telah diberi borang pencalonan bagi memilih Ketua Eksekutif yang baru, bagi menggantikan Ketua Eksekutif yang sedia ada, Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh yang akan bersara pada 30 November 2008.



Ketibaan YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan disambut oleh Pegawai PKINK

YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan menyampaikan ucapan



Majlis berbuka puasa diadakan di Dewan Duyung, Perdana Resort.

Antara Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PKINK yang hadir.

LAWATAN JHYA RAMADHAN YB DATO' SUK

5 dan 6 September 2008 bersamaan 5 dan 6 Ramadhan 1429, PKINK telah menyertai Program Ihya Ramadhan YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan bersama-sama penduduk Pos Balar (perkampungan Orang Asli) di Gua Musang.

Bertolak seawal jam 4.00 pagi hari Jumaat dan berkumpul di IPD Gua Musang. Tepat jam 10.00 pagi sebanyak 20 kenderaan pacuan 4 roda dengan 70 orang peserta yang terdiri dari Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri seperti JHEOA, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Parit dan Saliran, JHEAIK, Jab. Kesihatan, RTM, Jab. Perhutanan dan lain-lain telah menyertai program tersebut. Setelah meredah beberapa batang anak sungai dan jalan tanah merah yang berliku-liku, kira-kira jam 6.00 petang rombongan selamat sampai di Pos Balar.

RPS Pos Balar terletak kira-kira 90 km dari bandar Gua Musang dan dihuni oleh suku kaum Temiar seramai 580 orang. Dari jumlah tersebut hanya 79 orang yang beragama Islam. Program bermula dengan majlis berbuka puasa bersama-sama dengan penduduk setempat yang beragama Islam, diikuti solat Maghrib berjemaah, tazkirah oleh pegawai agama, diikuti majlis pengisian saudara baru, solat Isyak berjemaah dan diakhiri dengan mesyuarat yang dipengerusikan YB Dato' Hj. Mohd Aiseri b Alias, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan mengenai pembangunan Pos Balar.

Keesokan hari, majlis bermula jam 4.00 pagi dengan program Qiamullail, bersahur dengan Orang Asli, solat Subuh berjemaah dan diakhiri dengan tazkirah oleh pegawai Agama. Sebelum bertolak pulang, dalam slot bersama-sama orang asli, YB Dato' SUK telah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui JHEOA telah bersetuju membina jalan berturap dari Gua Musang ke Pos Balar.



YB Dato' SUK dan
rombongan bersahur
bersama masy. org. Asli



Ketibaan rombongan disambut
penduduk Pos Balar



Rombongan berhimpun di IPD Gua Musang

SUMBANGAN ZAKAT KUMPULAN PKINK

20 September 2008, bertempat di Qaryah Ramadhan MPKB-BRI, Dataran Stadium Sultan Muhammad ke IV, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menyampaikan sumbangan Zakat Kumpulan PKINK kepada lapan asnah di sekitar Kota Bharu. Sumbangan tersebut berupa wang tunai untuk kira-kira 120 penerima telah diadakan bersempena dengan program Ihya Ramadhan Kerajaan Kelantan dan majlis berbuka puasa anjuran MPKB-BRI.

Majlis penyampaian sumbangan tersebut telah disampaikan oleh YB Dato' Ab. Halim Ab. Rahman, Wakil Rakyat Parlimen Pengkalan Chepa, Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan Tuan Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK.




Antara penerima zakat kumpulan PKINK.



Tuan Haji Wan Yahya Wan Saleh menyampaikan wang zakat dan sumbangan.



Tuan Haji Wan Adnan Wan Abd. Kadir menyampaikan wang zakat dan sumbangan kpd. penerima yang layak.



YB Dato' Ab. Halim menyampaikan wang zakat kepada fakir miskin.




Antara jemputan yang hadir.



Sebahagian jemputan berbuka puasa.

**SUMBANGAN KEPADA ANGGOTA
KUMPULAN PKINK, SEMPENA RAMADHAN**



Sumbangan wang zakat kump.PKINK kepada anggota Perdana Resort



Sumbangan wang zakat kump.PKINK kepada anggota An-Nisa




Sumbangan hamper Hari Raya kepada anggota PKINK disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK



Semua anggota PKINK mendapat sumbangan hamper


**PROGRAM JHYA RAMADHAN YB DATO'SUK
BERSAMA PENDUDUK POS BALAR**




Sebanyak 20 kendaraan 4 roda terlibat



Sebanyak 4 batang sungai diseberangi



Majlis berbuka puasa di Pos Balar



Antara cabaran yg dihadapi, terpaksa mendaki bukit di laluan berlumpur

SAMBUTAN HARI RAYA KUMPULAN PKINK



Pelajar tahfiz di Majlis Hari Raya Kumpulan PKINK



Geraі minuman menjadi tumpuan




Antara tetamu VIP yang hadir




Diperjumpaan hari raya, menampakkan suasana kekeluargaan



Anggota kumpulan PKINK sebelum Majlis Hari Raya



Sate adalah antara gerai makanan yang menjadi tumpuan



Sumbangan cenderahati untuk kanak-kanak disampaikan oleh isteri YABrs. Ketua Eksekutif PKINK



Dikesempatan ini ,semua anggota PKINK bergambar kenangan bersama KE dan TKE mengikut bahagian masing-masing

QIAMULLAI PERDANA ANGGOTA KUMPULAN PKINK

26 September 2008, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menganjurkan program Iktikaf dan Qiamullai Perdana anggota Kumpulan PKINK bersama penduduk setempat, di Masjid Pauh Panji (sebelah JPI Panji, Kota Bharu).

Program yang bermula seawal jam 5.45 petang itu dihadiri kira-kira 200 peserta termasuk anggota kumpulan PKINK dan penduduk setempat. Bermula dengan majlis tazkirah pada jam 5.45 petang, diikuti berbuka puasa dan solat Maghrib.

Majlis tazkirah telah disampaikan oleh Ustaz Fadli Shaari dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nidam Puri. Selepas Solat Isyak, tazkirah bertajuk "Kelebihan Lailatulqadar" telah disampaikan oleh Dr. Johari Mat, Ketua Eksekutif KIAS.

Pada malamnya, jemkah mengisi masa yang terluang dengan berzikir, membaca al-Quran, berzikir dan solat sunat. Kirakira jam 4.00 pagi program Qiamullai yang dipimpin oleh Imam Masjid Pauh Panji bermula, diikuti dengan bersahur seterusnya solat Subuh dan tazkirah oleh Profesor Madya Dr. Abdullah Sudin b. Ab. Rahman, Ketua Eksekutif Kolej Teknologi Darulhaim (KTD).




Antara jemaah yang hadir



Ustaz Fadli Shaari dari KIAS



Antara jemaah yang hadir




Dr.Johari Mat,Ketua Eksekutif KIAS

QIAMULLAIL ANGGOTA KUMPULAN PKINK

Sempena menyambut Ramadhan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menganjurkan program Qiamullai untuk semua anggota Kumpulan PKINK. Program tersebut telah diadakan pada 1 September 2008 bersamaan 1 Ramadhan 1429 di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK.

Program bermula seawal jam 8.00 malam yang dimulai dengan solat Isyak berjemaah dan diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Fuad dari Pondok Pasir Tumbuh. Para anggota yang terlibat termasuk pihak pengurusan Kumpulan PKINK ialah seramai 70 orang. Program berakhir dengan bersahur, dan diikuti solat Subuh.



Tazkirah selepas solat Isyak

TADARUS AL-QURAN PERINGKAT PKINK

Tadarus Al Quran dan terjemahan dikalangan anggota-anggota PKINK telah diadakan sepanjang Ramadhan, bertempat di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK sebanyak dua kali seminggu.

Tadarus ini dipimpin Ustaz Fuad dari Pondok Pasir Tumbuh bermula jam 12.00 tengahari hingga masuk waktu Zohor. Tadarus ini diadakan mengikut bahagian-bahagian PKINK.



Tadarus dipimpin Ustaz Fuad

SOLAT DHUHA ANGGOTA PKINK

9 September 2008, bertempat di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK, satu majlis solat sunat Dhuha anggota PKINK yang di pimpin YB. Ustaz Ahmad Baihaki Atiqullah telah diadakan. Selepas Solat, satu tazkirah ringkas mengenai kepentingan dan kebaikan solat sunat Dhuha telah disampaikan.



Tazkirah disampaikan selepas
Solat Sunat Dhuha



YB Ustaz Ahmad Baihaki Atiqullah

CERAMAH NUZUL QURAN OLEH YB SENATOR MUMTAZ

16 september 2008, Ceramah Nuzul Quran bertajuk Al-Quran Petunjuk dan Pengubat Matahati telah disampaikan oleh YB Senator Puan Mumtaz bt. Mohd Nawi, bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK, mulai jam 11.30 pagi. Antara yang ditekankan ialah beramal dengan apa yang dinyatakan oleh Al-Quran, bukan sekadar membaca dan memahaminya sahaja. Al-Quran adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad S.A.W. dimana di dalamnya, dinyatakan berbagai pedoman untuk mencari kebahagian dunia dan kesejahteraan akhirat. Disentuh juga tentang nikmat Syurga, yang merupakan satu motivasi kepada manusia.



YB Senator Puan Mumtaz



Antara anggota PKINK yang hadir

MAJLIS TADARUS DAN BERBUKA PUASA PERINGKAT KUMPULAN PKINK


18 September 2008, bertempat di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menganjurkan majlis tadarus Al-Quran dan majlis berbuka puasa peringkat PKINK. Bacaan petikan al-Quran Surah Al-Hasyr daripada ayat 18 – 24 keluaran Kerajaan Negeri Kelantan itu telah di pimpin Ustaz Fadli Shaari dari KIAS. Kira-kira 100 orang anggota PKINK dan Pengurusan Syarikat Anak telah hadir.



Majlis berbuka puasa diadakan di tingkat 6, Bangunan PKINK



Tadarus dipimpin Ustaz Fadli Shaari



Antara anggota PKINK dan Pengurusan Syarikat Anak yang hadir

4 PERKARA SEBELUM TIDUR

Oleh Malek Sidek pada 3 Ogos 2008

Rasulullah S.A.W berpesan kepada Aisyah r.a :


“ Ya Aisyah, jangan kamu tidur sebelum melakukan empat perkara,
” iaitu:-

1. Jangan tidur sebelum khatam Al-Quran.
2. Jangan tidur sebelum memastikan para Nabi memberi syafaat di hari Akhirat.
3. Jangan tidur sebelum para muslim & muslimat meredhai kamu.
4. Jangan tidur sebelum kamu melaksanakan haji dan umrah. Maka bertanyalah Aisyah r.a:

“ Ya Rasulullah....bagaimana aku dapat melaksanakan empat perkara untuk seketika? ”

Rasulullah tersenyum dan bersabda:

1. Sebelum kamu tidur bacalah : Al-Ikhlas 3 kali seakan-akan kamu mengkhatahkan Al-Quran.
2. Sebelum kamu tidur bacalah selawat untuk Ku dan para Nabi sebelum ku, maka kami semua akan memberi syafaat di hari kemudian.
3. Beristighfarlah untuk para muslim & muslimat, maka mereka akan meredhai kamu.
4. Dan perbanyaklah bertasbih, bertahmid, bertahlil dan bertakbir, maka seakan-akan kamu telah melaksanakan ibadah haji dan umrah.




KEREDAAN ILAHI

Oleh: Mohd Asiff Idris pada 7 September 2008

Sama-sama memohon kehadiran Allah S.W.T agar semua anggota PKINK sentiasa berada di bawah keredaanNya. Doa memainkan peranan yang penting disamping ibadat khusus yang lain. Sentiasalah memohon kehadiran Ilahi agar kita semua sentiasa:

1. Dimurahkan rezeki
2. Dipanjangkan umur
3. Dijauhkan daripada malapetaka
4. Diberi ketenangan dan kesabaran
5. Diberi kemudahan dalam semua urusan



PESAN RASUL

Oleh: Hashim Bin Yaacob pada 12 Oktober 2008


Anggota diingatkan tentang pesan Rasulullah S.A.W

“Ada dua perkara yang tidak disukai manusia :

Pertama : Manusia membenci kematian, sedangkan kematian itu lebih baik baginya daripada memfitnah.

Kedua : Manusia membenci harta yang sedikit, sedangkan dengan harta yang sedikit, bererti, lebih sedikitlah juga hisabnya”

(Riwayat Imam Ahmad)




MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA KUMPULAN PKINK

19 Oktober 2008, Majlis Sambutan Hari Raya Kumpulan PKINK telah diadakan dalam suasana yang meriah di tempat letak kereta, Bangunan PKINK. YB Dato' Hj. Ahmad b. Yakob Timbalan Menteri Besar Kelantan turut hadir, disamping jemputan-jemputan yang terdiri dari Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PKINK dan Syarikat Anak, Wakil-wakil Rakyat, Ketua-ketua Jabatan disamping anggota Kumpulan PKINK berserta keluarga, dan juga masyarakat setempat.


Kehadiran ahli adalah dianggarkan dua ribu orang. Tahun ini PKINK menyediakan juadah-juadah seperti sate, roti jala, lemang, roti musala, mee bandung, mee kari, roti taliban, nasi dagang dan beraneka kuih-muih. Selain PKINK, semua anak syarikat turut sama terlibat di dalam menjayakan majlis sambutan hari raya kumpulan PKINK.

Seperti tahun-tahun sudah, selain memberi cenderahati dan wang tunai untuk kanak-kanak, PKINK juga telah memberi sumbangan kepada dua buah sekolah tahniz iaitu Sekolah Tahniz Pasir Mas dan Sekolah Tahniz Kandis. Sumbangan kepada sekolah tahniz tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.



Antara jemputan yang hadir

YB Dato' Hj. Ahmad b. Yakob menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar sekolah tahniz



YB Dato' Hj. Anuar Tan Abdullah turut hadir

Ketua Eksekutif menyampaikan ucapan